

NOTA INFOGRAFIK BERMAKLUMAT

NOTA REVISI CEPAT SRT TING 4

Jom Hafal 9 Faktor

Bab 1 Kerja Sepasukan

Bab 2 Pengurusan Sumber Keluarga dan Tempat Kediaman

Bab 3 Pakaian dan Jahitan

Bab 4 Makanan dan Pemakanan

Bab 5 Perniagaan & Keusahawanan

SHARE AND LEARN TOGETHER, WE LOVE SRT

DISEDIAKAN OLEH CG WOON (SMK PEKAN NANAS, PONTIAN, JOHOR)

Nota infografik SRT (Faktor)

6 Faktor Perancangan Menu (m.196)

- 1. Tu **Tujuan Sajian**
- 2. Perlu **Keperluan**
- 3. Gemar **Kegemaran**
- 4. Sumber **Sumber**
- 5. Seimbang **Keseimbangan**
- 6. Bilangan **Bilangan Tetamu**

Tu perlu gemar, Sumber seimbang bilangan

kakak kerja, dapat duit & mampu, pergi tempat jauh yang sejuk, akan jaga budaya, pakai ikut keperluan sosial & ikut kemajuan teknologi

6 Faktor Kesselesaian Tempat Kediaman (m.56)

- 1. Pengudaraan
- 2. Pencahayaan
- 3. Alatan & keengkapan
- 4. Keselamatan
- 5. Lantai & Penutup Lantai
- 6. Skema Warna

6 Faktor Pemilihan Tempat Kediaman (m.54)

- 1. Keperluan
- 2. Pendapatan
- 3. Keselamatan
- 4. Kejiranan
- 5. Estetika
- 6. Infrastruktur

6 Faktor pemilihan tempat perniagaan (m.249)

- 1. Jenis Perniagaan
- 2. Modal
- 3. Persaingan
- 4. Jenis Pelanggan
- 5. Kemudahan
- 6. Undang-undang & peraturan

5 Faktor Pengurusan Sumber keluarga (m.36)

SaTaTaLoSi

- 1. Saiz, Komposisi & Kitaran Hidup
- 2. Taraf Pendidikan Keluarga
- 3. Taraf Sosioekonomi keluarga
- 4. Lokasi Tempat kediaman
- 5. Sikap & Amalan Pengurusan

4 Faktor Jumlah Pendapatan & Perbelanjaan (m.40)

SaPe2Ek

= Pengurusan Sumber Kewangan

- 1. Saiz, Komposisi & Kitaran Hidup
- 2. Pendidikan
- 3. Pendapatan
- 4. Ekonomi Negara

7 Faktor Pemilihan Pakaian (m.16)

- 1. Pekerjaan
- 2. Pendapatan & Kemampuan
- 3. Geografi
- 4. Keperluan Fisiologi
- 5. Budaya
- 6. Keperluan Sosial
- 7. Kemajuan Teknologi


5 Faktor Peranan Ahli Keluarga (m.33)

BABY BONGSU PEREMPUAN KAYA

- 1. Umur
- 2. Kedudukan Ahli keluarga
- 3. Jantina
- 4. Status Ekonomi Keluarga
- 5. Sosiobudaya

8 Faktor Pengambilan Diet (m.171)

- 1. Pekerjaan
- 2. Pendapatan
- 3. Geografi
- 4. Keperluan Fisiologi
- 5. Budaya
- 6. Keperluan Sosial
- 7. Kemajuan Teknologi



Kata kunci huraian untuk soalan Faktor

(perlu tambah contoh situasi yang dialami oleh watak utama soalan)

6 Faktor *heselesaian Tempat Kediaman* (m.56)

- 1. Pengudaraan**
 - Suasana sejuk (Kipas, penghawa dingin)
- 2. Pencahayaan**
 - Susana terang, dapat lihat melalui lampu yang sesuai.
- 3. Alatan & kelengkapan**
 - Sesuai ikut saiz ruang, memudahkan kerja
- 4. Keselamatan**
 - Terlindung dari jenayah (Jeriji besi, CCTV, kunci), susun perabot tidak menghalang laluan
- 5. Lantai & Penutup Lantai**
 - Sesuai dipijak dan tidak licin, mudah dijaga
- 6. Skema Warna**
 - Sesuai ikut ruang memberi kesan tenang, ceria

6 Faktor *Pemilihan Tempat Kediaman* (m.54)

- 1. Keperluan**
 - Bilik cukup didiami (bil. ahli keluarga)
 - Sesuai didiami oleh ahli keluarga (tua, cacat)
- 2. Pendapatan**
 - Mampu dibayar ansuran dengan gaji
- 3. Keselamatan**
 - Kawasan bebas jenayah (CCTV/Jeriji besi/ ada pondok pengawal)
- 4. Kejiranan**
 - Sama kaum (gaya hidup sama) atau pelbagai kaum (hormat/perpaduan)
- 5. Estetika**
 - kaw. Indah / bersih /Landskap cantik
- 6. Infrastruktur**
 - Kemudahan (sekolah, klinik, taman dll)

6 Faktor *pemilihan tempat perniagaan* (m.249)

- 1. Jenis Perniagaan**
 - Ada keperluan / permintaan terhadap produk perniagaan
- 2. Modal**
 - mampu/ duit permulaan (pinjaman)
- 3. Persaingan**
 - Elak "musuh" yang banyak (rugi)
- 4. Jenis Pelanggan**
 - Ada golongan yang mampu beli
- 5. Kemudahan**
 - Memudahkan urusan (pembekal/air)
- 6. Undang-undang & peraturan**
 - Tidak salah di sisi undang / prosedur

6 Faktor *Perancangan Menu* (m.196)

- 1. Tujuan Sajian**
 - Sesuai ikut majlis (rasmi/tidak rasmi)
- 2. Keperluan**
 - sesuai ikut tahap kesihatan/jantina (nutrien)
- 3. Kegemaran**
 - disukai oleh tetamu/ahli keluarga
- 4. Sumber**
 - ikut bajet kewangan / Yuran, ada bekalan bahan/ peralatan / kemahiran/masa
- 5. Keseimbangan**
 - seimbang dari segi rupa, tekstur, rasa, warna
- 6. Bilangan Tetamu**
 - cukup dimakan ikut kuantiti tetamu / ahli keluarga

Tu perlu gemar, Sumber seimbang bilangan

kakak kerja, dapat duit & mampu, pergi tempat jauh yang sejuk, akan jaga budaya, pakai ikut keperluan sosial & ikut kemajuan teknologi

BABY BONGSU PEREMPUAN KAYA

Pengurusan Sumber Kewangan =

SaTaTaLoSi

5 Faktor *Pengurusan Sumber keluarga* (m.36)

- 1. Saiz, Komposisi & Kitaran Hidup**
 - saiz besar, sumber kewangan terhad
 - saiz kecil, lebih senang diurus
- 2. Taraf Pendidikan Keluarga**
 - Pendidikan tinggi lebih bepengetahuan /bijak untuk mengurus
- 3. Taraf Sosioekonomi keluarga**
 - Gaji / pendapatan yang tinggi lebih senang mengurus sumber keluarga
- 4. Lokasi Tempat kediaman**
 - Guna kemudahan di bandar /luar bandar yang sesuai untuk urus sumber
- 5. Sikap & Amalan Pengurusan**
 - Rela / prihatin/ usaha akan berjaya urus
 - Tidak rela/ tidak berusaha gagal urus

4 Faktor *Jumlah Pendapatan & Perbelanjaan* (m.40) SaPe2Ek

- 1. Saiz, Komposisi & Kitaran keluarga**
 - saiz besar, sumber kewangan terhad
 - saiz kecil, lebih banyak perbelanjaan
- 2. Pendidikan**
 - Pendidikan tinggi lebih bepengetahuan /bijak untuk menyediakan bajet keluarga
- 3. Pendapatan**
 - Jawatan Pekerjaan yang tinggi mendatangkan pendapatan yang banyak
- 4. Ekonomi Negara**
 - Ekonomi negara yang stabil membantu memperolehi pendapatan

5 Faktor *Peranan Ahli Keluarga* (m.33)

- 1. Umur** - Tanggungjawab besar terletak di bahu ahli keluarga ikut urutan umur (ayah mencari nafkah)
- 2. Kedudukan Ahli keluarga**
 - Anak Sulung (/lebih dewasa) memikul lebih tanggungjawab berbanding dengan anak bongsu /lebih muda
- 3. Jantina** - Lelaki bertenaga boleh diberi kerja berat manakala perempuan diberi tugas ringan
- 4. Status Ekonomi Keluarga**
 - Anak miskin / di keluarga induk tunggal berperanan lebih
- 5. Sosiobudaya**
 - Terdapat kaum yang memanjakan/ memartabatkan lelaki

8 Faktor *Pengambilan Diet* (m.171)

- 1. Agama** - Tidak makan makanan larangan agama / tidak halal
- 8. Pendidikan** - Berpengetahuan tentang makanan berkhasiat (piramid makanan diutamakan semasa makan)
- 2. Pendapatan Keluarga** - Gaji tinggi mampu beli makanan berkhasiat
- 3. Geografi** - Makan makanan yang terdapat di negara tersebut / keluaran
- 4. Keperluan Fisiologi** - Makan makanan sesuai ikut tahap kesihatan/ jantina /umur (nutrien)
- 5. Budaya** - Makan makanan mewah / istimewa pada hari Perayaan
- 6. Keperluan Sosial** - Makan luar jika ada aktiviti / Majlis
- 7. Kemajuan Teknologi** - Makan Makanan segera jika ada bekalan/ alatan

7 Faktor *Pemilihan Pakaian* (m.16)

- 1. Pekerjaan** - Sesuai menunjukkan jawatan pekerjaan
- 2. Pendapatan & Kemampuan** - Gaji tinggi mampu beli pakaian mahal /berkualiti / berjenama
- 3. Geografi** - Sesuai ikut iklim di negara tersebut
- 4. Keperluan Fisiologi** - Baju tebal untuk menahan kesejukan
 - Sesuai ikut jantina / sesuai menutup kecacatan
- 5. Budaya** - Sesuai ikut Hari Perayaan menunjukkan identiti kaum
- 6. Keperluan Sosial** - Sesuai ikut Aktiviti / Majlis (Rasmi/Tidak Rasmi)
- 7. Kemajuan Teknologi** - Sesuai ikut trend / fesyen terkini

Anda dilantik sebagai pengerusi kelab SRT dan diberi tugas mengetuai 9 AJK mengendalikan jualan gerai pada Hari Sukan bulan hadapan.

Bagaimana anda jayakan tugas?



1.1 ORGANISASI KERJA

Kaedah menyelesaikan tugas

1. Kaedah Sumbang Saran

- mencari idea baharu, kombinasi idea
- idea perlu diterima
- dilarang mengkritik idea tersebut



2. Kaedah Perbincangan

- aktiviti berkumpulan
- berinteraksi sesama ahli
- Komunikasi dua hala



3. Kaedah Simulasi

- situasi yang diwujudkan supaya menyerupai situasi sebenar tetapi dalam bentuk yang dipermudah



Langkah menyelesaikan tugas

- Menetapkan **matlamat** yang jelas — Target, sasaran jawatankuasa
- Membina **carta organisasi** — Hierarki jawatankuasa / Agihan Tugas & kuasa
- Menetapkan **jangka masa tugas** — Jadual tugas (garis masa)
- Mengerjakan tugas** dengan tema yang biasa dilaksanakan — Ikut hasil perbincangan
- Mencari sumber** yang jelas dan sahih — Sumber manusia / Bukan Manusia

matlamat Jualan Gerai Makanan – Untung RM300		
Carta organisasi		
Penaung	Memberi nasihat	
Pengerusi	Ketua penggerak	
Naib Pengerusi	Mempengerusikan mesyuarat Membuat perancangan	Persiapan tempat
Setiausaha	Menguruskan surat-menyurat	Iklan/ Promosi /Order
Naib Setiausaha	Menyediakan minit mesyuarat Membuat perancangan	
Bendahari	Menguruskan hal kewangan	cashier
Naib Bendahari	Menyediakan laporan kewangan	Pemeriksa kira-kira
AJK		
Menghadiri mesyuarat & Menyumbang idea	2 AJK	Makanan
Menerima & melaksanakan tugas yang diberi	2 AJK	
Ahli Biasa		
Membantu menjayakan aktiviti	2 AJK	Kebersihan

Ciri-ciri semangat kerjasama dalam pasukan :
Patuhi arahan, bertanggungjawab, bekerjasama, sistematik

Garis Masa dan jadual tugas (tambah tarikh)	
1. M1 – tubuhkan Jawatankuasa/ Cari idea masing-masing	
2. M2 – Mesyuarat 1 (Agihan tugas/Masa)	Produk, tempat, harga, tugas, masa, iklan
3. M3 – Mesyuarat 2 (persediaan/simulasi)	Cubaan jualan, cadangan penambahbaikan, sedia
Jualan Gerai Hari kejadian	
4. M4 – Mesyuarat 3 (keuntungan, post-mortem, laporan)	kelebihan, kelemahan, ancaman, cadangan, pujian & galakan

Budaya kerja Positif



1.2 SEMANGAT KERJA SEPASUKAN

Kerja Sepasukan = penglibatan individu yang saling bekerjasama antara satu sama lain, berkongsi matlamat serta visi & misi yang sama



Kepentingan semangat kerja sepasukan

- Melancarkan dan memudahkan kerja
- Menghasilkan idea yang bernas melalui pemuafakatan
- Mewujudkan semangat kerja yang efektif
- Mengeratkan hubungan & kerjasama dalam satu pasukan

- Menjimatkan sumber tenaga
- Menjimatkan masa yang ditetapkan dalam menyelesaikan tugas
- Mengurangkan masalah melalui jalan penyelesaian yang dipersetujui secara bersama


Komunikasi = Proses pemidahan atau pertukaran maklumat dan idea antara dua atau lebih individu



Kepentingan Komunikasi berkesan

- Memudahkan pencapaian matlamat pasukan
- Mewujudkan semangat kekitaan, perpaduan organisasi
- Meningkatkan prestasi kerja individu

Proses Komunikasi



- Teknik menyampaikan maklumat :**
- Persiapan Tajuk
 - Persiapan Diri
 - Adab – senyuman, Kemesraan, suara jelas

Kaedah Komunikasi



Kaedah maklum balas proses peningkatan sendiri:

- Ujian Psikometrik** (Satu prosedur yang sistematik untuk memerhati tingkah laku manusia dan menerangkannya dengan bantuan skala numerikal)
- Ujian Aptitud** (Satu ujian mengenal pasti kebolehan atau bakat semula jadi belajar dalam melakukan sesuatu perkara dengan mudah dan cepat)

Aktiviti membantu pembelajaran sendiri

- belajar melalui carta, poster, grafik, multimedia
- belajar melalui pendengaran (kuliah, penerangan)
- menulis semula nota, menghafal
- belajar melalui pengalaman (amali)

Kaedah mengekalkan hubungan baik

- Berkomunikasi secara terbuka
- Komited terhadap tugas
- Mengelakkan konflik
- bertolak ansur

1.3 PENINGKATAN KENDIRI (majukan diri)

Persepsi seseorang tentang diri dari segi penilaian, pandangan, tanggapan dan kepercayaan terhadap kekuatan dan kelemahan diri sendiri sama ada positif atau negatif.

Aspek mengenal diri:

Fizikal, kebolehan, kemahiran, Minat, Bakat, Sikap, Nilai

Nota ringkas


Bab 2 Pengurusan Sumber Keluarga dan Tempat Kediaman



Struktur keluarga

HAK MILIK CG WOON

Keluarga Nuklear




- Keluarga asas.
- Terdiri daripada ibu bapa, anak kandung atau anak angkat yang tinggal bersama.

Keluarga induk tunggal



- ibu dan bapa tidak tinggal bersama dalam satu bumbung akibat penceraian, kematian atau perpisahan.

Keluarga Poligami



bapa mempunyai dua atau lebih isteri.

Keluarga Luas



Terdiri daripada individu yang ada pertalian darah atau hasil perkahwinan seperti datuk, nenek, ibu atau bapa saudara, dan sepupu yang tinggal di bawah satu bumbung.

Fungsi keluarga



BIOLOGI - Meneruskan Kesenambungan Keturunan Keluarga / zuriat

PSIKOLOGI - memberikan Perlindungan / kasih sayang

SOSIOLOGI - Mengekalkan nilai budaya setiap keluarga dan diamalkan secara berterusan

PENDIDIKAN - Memberikan pendidikan yang sempurna bagi menjamin kehidupan anak-anak pada masa depan

SOSIAL - Mencari sumber kewangan bagi memelihara dan membesarkan anak

FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PERANAN AHLI KELUARGA



Umur Bayi, kanak-kanak, remaja, Ibu bapa

- Peranan berlainan bergantung kepada usia

Jantina Lelaki, Perempuan

- kerja rumah yang berat, kerja rumah yang ringan

Kedudukan Ahli Keluarga Sulung, bongsu

- Lebih dewasa memikul tanggungjawab yang lebih

Sosiobudaya Kaum, bangsa, budaya

- Peranan ikut Gaya hidup budaya / norma sosial

Status ekonomi Keluarga kaya/miskin

- Peranan kurang jika status ekonomi kukuh /tinggi
- Peranan lebih jika status ekonomi rendah

Sumber keluarga

Sumber ialah segala bahan atau punca yang ada pada diri dan persekitaran individu dan keluarga.

Jenis Sumber keluarga

Sumber Manusia Pada diri / ahli keluarga

- Masa
- Pengetahuan
- Tenaga
- Kemahiran
- Sikap
- Minat dan kebolehan

Sumber Bukan Manusia Di persekitaran

- Kemudahan Masyarakat (Perpustakaan, Taman Permainan, Pusat beli belah/dll)
- Wang
- Harta Benda
- Infrastruktur (Jalan raya/ Elektrik, Air / dll)

Keperluan Pengurusan sumber keluarga

- ❑ Mewujudkan persefahaman dan mengurangkan konflik
- ❑ Menambahkan pendapatan keluarga dan mengurangkan pembaziran
- ❑ Mencapai matlamat & meningkatkan kesejahteraan keluarga

FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENGURUSAN SUMBER KELUARGA



Petua: SaTaTaLoSi

- Saiz, Komposisi & Kitaran Hidup keluarga**
 - saiz besar, sumber kewangan terhad
 - saiz kecil, lebih senang diurus
- Taraf Pendidikan Keluarga**
 - Pendidikan tinggi lebih bepengetahuan /bijak untuk mengurus
- Taraf Sosioekonomi keluarga**
 - Gaji / pendapatan yang tinggi lebih senang mengurus sumber keluarga
- Lokasi Tempat kediaman**
 - Guna kemudahan di bandar /luar bandar yang sesuai untuk urus sumber
- Sikap & Amalan Pengurusan**
 - Rela / prihatin/ usaha akan berjaya urus

FAKTOR YANG MEMPENGARUHI Jumlah Pendapatan & Perbelanjaan

Petua: SaPe2Ek



- Saiz, Komposisi & Kitaran Keluarga**
 - saiz besar, sumber kewangan terhad
 - saiz kecil, lebih banyak perbelanjaan
 - Suami isteri berusaha meningkatkan pendapatan keluarga
- Pendidikan**
 - Pendidikan tinggi lebih bepengetahuan /bijak untuk menyediakan bajet keluarga
 - Kerjaya bergantung kepada tahap Pendidikan
- Pendapatan**
 - Jawatan Pekerjaan yang tinggi mendatangkan pendapatan yang banyak
 - Pendapatan mempengaruhi gaya perbelanjaan
- Ekonomi Negara**
 - Ekonomi negara yang stabil membantu memperolehi pendapatan sampingan (saham, dll)

CABARAN PENGURUSAN SUMBER KELUARGA

- Jurang Generasi** Pandangan, kitaran hidup, fikiran berbeza
- Kurang masa berkualiti bersama ahli keluarga** Sibuk dengan kerjaya dan aktiviti luar
- Input negatif daripada media elektronik** Pengaruh buruk yang merosakkan kebahagiaan keluarga
- Peningkatan Masalah / Jenayah dalam keluarga** penderaan, pergaduhan, pengangguran
- Kurang kemahiran keibubapaan** Mengabaikan dan mengetepikan anak

PENYELESAIAN MASALAH PENGURUSAN SUMBER KELUARGA

- menangani permasalahan dengan Komunikasi yang berkesan** Luahkan perasaan, komunikasi terbuka
- Mendidik anak melalui kemahiran keibubapaan yang kreatif** Masa terhad tetapi rasa disayangi
- Mendidik anak melalui Pendidikan Agama & Moral** Pembentukan sahsiah, insan berguna
- Merancang & menilai Urusan kewangan** Perbelanjaan tidak melebihi pendapatan
- mewujudkan suasana rumah tangga yang harmoni** Pikul tanggungjawab, memainkan peranan

Konsep Pengurusan Sumber Kewangan Keluarga

Pengurusan sumber pendapatan keluarga yang baik dapat membaiki kedudukan kewangan keluarga

Simpanan, aset meningkat ↑

Hutang dapat dikurangkan ↓



Sumber Pendapatan

Sumber Utama – pendapatan diperolehi melalui pekerjaan hakiki dan Konsisten Cth: Gaji/ Upah

Sumber Alternatif – pendapatan diperolehi melalui pekerjaan /perkhidmatan sampingan (di luar waktu bekerja hakiki) Cth: Komisen/Dividen/Sewa dll

Tujuan menyediakan Bajet Keluarga

- ➔ Mengelakkan pembaziran
- ➔ Mencapai matlamat, keperluan dan kehendak keluarga
- ➔ Mengenal pasti sumber pendapatan yang boleh dibelanjakan
- ➔ Membuat keputusan terhadap jumlah yang ingin dibelanjakan & disimpan
- ➔ Mengubahsuaikan perbelanjaan ikut keperluan atau kehendak keluarga

Langkah-langkah menyediakan Bajet keluarga

- Menentukan matlamat keluarga
- Menentukan kategori keperluan
- Menganggarkan pendapatan
- Menganggarkan perbelanjaan
- Mengimbangkan pendapatan & perbelanjaan
- Menilai bajet

Kesan Penetapan Matlamat

Kesan Positif

- ➔ Memupuk sikap positif seperti bersungguh-sungguh, tabah, dll
- ➔ Meningkatkan taraf sosioekonomi keluarga
- ➔ Meningkatkan daya kreativiti dan inovasi ahli keluarga

Kesan Negatif

- ➔ Mengundang rasa tertekan dalam diri ahli keluarga
- ➔ Mencetuskan nilai negative dalam diri seperti antisosial

Keperluan

Barang /Perkhidmatan yang diperlukan untuk terus hidup (keperluan asas / keperluan sampingan)

Terhad & tidak ada banyak pilihan

Mudah dipuaskan dan untuk semua manusia sama seperti Makanan, pakaian, tempat tinggal, pengangkutan

Tuntutan semula jadi

Kehendak

Barang /perkhidmatan pelengkap kepada keperluan kehidupan lebih selesa dan mewah (alat berteknologi / fesyen)

Tidak terhad & terdapat banyak pilihan

Tidak mudah dipuaskan dan berbeza ikut umur, jantina, cita rasa, pekerjaan, pendapatan

Melalui pengalaman

Keperluan & Kehendak berubah mengikut masa
Setiap keluarga berbeza ikut pendapatan & kemampuan

Matlamat

Jangka pendek
(ingin dicapai dalam masa kurang 6 bulan)

Jangka Panjang
(ingin dicapai dalam masa yang lebih setahun)

Jangka Sederhana
(ingin dicapai dalam masa 6 bulan hingga setahun)

Kepentingan Simpanan & pelaburan

- ➔ Menyediakan wang persaraan & menikmati kehidupan yang lebih selesa
- ➔ Membiayai kos pendidikan anak-anak tanpa membuat pinjaman
- ➔ Menikmati kehidupan yang lebih berkualiti hasil daripada pendapatan tambahan (faedah/dividen)

Konsep Pengurusan Konflik dalam Keluarga

Konflik bermaksud Perselisihan / pertentangan idea antara individu

Berlaku apabila masing-masing ingin menegakkan pendirian (pertentangan idea, syak wangsa, rebut harta benda, pilih kasih, kehendak berlainan dll)

Contoh Konflik : hubungan/Perang dingin, pergaduhan, pecah-belah

Kesan Konflik : Putus asa, cepat marah, kemurungan, hubungan renggang, stress



Punca Konflik dalam keluarga

Masalah kewangan

- Perbelanjaan melebihi pendapatan
- Tidak memenuhi keperluan

Halangan Komunikasi

- Perbezaan Pendapat
- Penyampaian mesej yang tidak tepat dan tidak sesuai.

Cara Didikan Ibu bapa

- Anak meniru perkara yang diamalkan oleh ibu bapa
- Perbalahan menjadikan hubungan dingin

Kesan Konflik kepada Remaja

Kesan Positif

- ➔ Menerapkan nilai yang baik hasil daripada tunjuk ajar, nasihat & galakan keluarga.
- ➔ Belajar menyesuaikan diri untuk mencapai peringkat kedewasaan
- ➔ Bersyukur terhadap segala nikmat kurniaan tuhan
- ➔ Meningkatkan harga diri.

Kesan Negatif

- ➔ Rasa tidak selamat sama ada berada di dalam rumah atau di luar rumah.
- ➔ Berasa tertekan, takut, sedih, pesimis. (Kemurungan)
- ➔ Mudah terjebak dengan gejala sosial. (memberontak)
- ➔ terlibat dengan keganasan. (bertindak di luar kawalan / Gangguan Mental)

Kaedah Berkesan mengatasi Konflik Remaja

Kesedaran diri Remaja

- Melengkapkan diri dengan Ilmu agama atau Pendidikan moral, pengetahuan, kemahiran

Peranan keluarga

- Ibu bapa memberi contoh teladan
- Prihatin dan kasih sayang
- Mengenal pasti rakan anak
- Mendisiplinkan anak

Peranan Sekolah

- Mengatasi masalah disiplin
- Program Pemulihan Remaja
- Guru menarik minat belajar pelajar

Peranan Pihak Berwajib

- Kempen/forum Kementerian/NGO
- Risalah/ iklan kesedaran remaja

Cara meningkatkan Hubungan baik dalam keluarga

- Amalan berkasih sayang
- Perbincangan Bersama
- Aktiviti Bersama
- Komunikasi yang berkesan
- Pembimbing Anak-anak
- Penyesuaian Diri dengan Budaya dan Tradisi



Konsep Pengurusan tempat kediaman

Tempat Kediaman

Tempat tinggal yang dapat memberikan **perlindungan, keselamatan dan keselesaan** kepada ahli keluarga

Jenis-jenis Tempat Kediaman

Rumah teres Rumah Banglo Pangsapuri



Jenis-jenis Ruang Tempat Kediaman

Ruang Sosial

Fungsi ruang : untuk **berehat, berinteraksi antara ahli keluarga dan tetamu**
Contoh ruang sosial : Ruang Tamu, Ruang Makan

Ruang Persendirian

Fungsi ruang : untuk **membersihkan, mengemaskan diri dan merehatkan diri.**
Contoh ruang persendirian : Bilik Tidur, Bilik Mandi, Tandas

Ruang Kerja

Fungsi ruang : untuk **melakukan aktiviti atau kerja**
Contoh ruang kerja : Dapur, Ruang Kerja (Study), Stor, Garaj

Kedudukan Alatan Berteknologi dalam ruang Tempat Kediaman

- Susun atur perabot mesti bersesuaian dengan saiz ruang tamu dan **tidak menghalang laluan**
- Alatan berteknologi perlu diletakkan **berhampiran dengan suis elektrik.**

6 Faktor Pemilihan Tempat Kediaman (m.54)


1. **Keperluan**
 - Bilik cukup didiami (bil. ahli keluarga)
 - Sesuai didiami oleh ahli keluarga (tua, cacat)
2. **Pendapatan**
 - Mampu dibayar ansuran dengan gaji
3. **Keselamatan**
 - Kawasan bebas jenayah (CCTV/ Jeriji besi/ ada pondok pengawal)
4. **Kejiranan**
 - Sama kaum (gaya hidup sama) atau pelbagai kaum (hormat/perpaduan)
5. **Estetika**
 - kaw. Indah / bersih /Landskap cantik
6. **Infrastruktur**
 - Kemudahan (sekolah, klinik, taman dll)

Petua hafalan



HAK MILIK CG WOON

Petua hafalan



6 Faktor keselesaan Tempat Kediaman (m.56)

1. **Pengudaraan**
 - Suasana sejuk (Kipas, penghawa dingin)
2. **Pencahayaan**
 - Susana terang, dapat lihat melalui lampu yang sesuai.
3. **Alatan & kelengkapan**
 - Sesuai ikut saiz ruang, memudahkan kerja
4. **Keselamatan**
 - Terlindung dari jenayah (Jeriji besi, CCTV, kunci), susun perabot tidak menghalang laluan
5. **Lantai & Penutup Lantai**
 - Sesuai dipijak dan tidak licin, mudah dijaga
6. **Skema Warna**
 - Sesuai ikut ruang memberi kesan tenang, ceria

Alatan Berteknologi di Tempat Kediaman



Lampu



Kipas Siling



Penghawa dingin



Dapur masak



Televisyen



Mesin Basuh



Peti Sejuk



Ketuhar

Pengaruh Teknologi terhadap pengurusan tempat kediaman

Penggunaan alatan berteknologi membawa pengaruh terhadap pengurusan tempat kediaman dalam beberapa aspek berikut iaitu :

Masa – menjimatkan masa kerana dapat melakukan lebih daripada satu kerja secara serentak.

Tenaga – meringankan beban kerana peralatan menggantikan tenaga manusia.

Kualiti hidup – Peralatan membantu keluarga melaksanakan tugas harian dengan lebih mudah, dan selamat. Masa yang terluang ialah masa berkualiti untuk aktiviti keluarga

Perbelanjaan – meningkatkan perbelanjaan keluarga kerana menanggung kos pembelian, kos penyelenggaraan, dan kos elektrik.

Keselamatan – keluarga perlu memberi perhatian yang lebih semasa membeli (Pilih logo SIRIM), menggunakan dan menjaga alatan agar sentiasa selamat digunakan .


- Peti sejuk berdekatan dengan meja kerja (**menghadkan pergerakan**)
- Singki sesuai di tepi tingkap (**pencahayaan, pengudaraan cukup**)
- Dapur masak berdekatan dengan singki
- Alatan berteknologi perlu diletakkan **berhampiran dengan suis elektrik.**

- Mesin basuh **berdekatan dengan sumber air dan sumber elektrik**
- Bahan pencuci perlu disimpan **berdekatan dengan mesin basuh**

Bab 3 : Pakaian & Jahitan

HAK MILIK CG WOON


Jenis Gentian ms 66-67



Faktor Pemilihan Pakaian

- ✓ 1. Pekerjaan - **Menunjukkan jawatan pekerjaan**
- ✓ 2. Pendapatan & Kemampuan - **Pakaian mahal jika gaji tinggi**
- ✓ 3. Geografi - **Sesuai ikut Iklim/musim di negara tersebut**
- ✓ 4. Keperluan Fisiologi - **Sejuk (baju tebal)/ tutup kecacatan**
- ✓ 5. Budaya - **Menunjukkan identiti kaum (Hari Perayaan)**
- ✓ 6. Keperluan Sosial - **Sesuai ikut Majlis (Formal/tidak formal)**
- ✓ 7. Kemajuan Teknologi - **Sesuai ikut Trend/fesyen terkini**

Ms Lim



Terangkan faktor pemilihan pakaian Ms Lim yang akan pergi kursus di London pada bulan Disember. (8 markah)

Elemen Merekabentuk Stail Pakaian

Stail apa menampakkan bahagian siapa lebih apa

Rendah dan kurus

- Garis leher bentuk bulat (menampakkan lehernya lebih pendek)
- Lengan gelebung (menampakkan lengannya lebih berisi)
- Warna Pink (warna lembut) (menampakkan tubuhnya lebih berisi / gempal)
- Tekstur sederhana tebal (menampakkan tubuhnya lebih gempal)
- Skirt Kembang dan Hiasan beropol (menampakkan tubuhnya lebih gempal)

Tinggi dan Langsing

- Garis leher V (menampakkan lehernya lebih jinjang)
- Lengan padanan rata (menampakkan lengannya lebih kurus)
- Warna Hijau Gelap (Warna gelap) (menampakkan tubuhnya lebih Langsing)
- Corak kecil / Garisan menegak (menampakkan tubuhnya lebih langsing)

Rendah dan gempal

Tinggi dan Gempal

Elemen : Garis Leher, Lengan, Corak, Garisan, Warna, tekstur

Guna/pada Croquis

Ciri Gentian ms 69-71



Jahitan

Pola & Tanda Pola

4
Lengan
Padanan rata

2
Garis leher
berbentuk U

Blaus

3
Kelim Belah
Kangkung



5 Kelepet
1 Lisu Pemadan
3 Kelim Belah Kangkung
2 Garis leher berbentuk V

1. Temukan sebelah luar fabrik.
2. Padankan garisan pemadan.
3. Semat dengan peniti
4. Jahit mesin pada garis pemadan

Rompi


1. Tandakan kedudukan lisu
2. Temukan sebelah luar fabrik dan semat
3. Mulakan jahit mesin di garis pinggang ke satu hujung tirus
4. Tindih mata jahitan awal di garis pinggang
5. jahit mesin ke hujung yang tirus satu lagi, susupkan semua hujung benang
5. tekan lisu menghala ke tengah pakaian

6
Belah berlapis

6
Kancing (Butang / Zip / Reben / Velkro)

Ukuran

- Leher ÷ 6
- Bahu ÷ 2
- bidang hadapan & belakang ÷ 2
- Dada
- Pinggang } ÷ 4
- Punggung }
- labuh baju
- labuh lengan




Peraturan menyusun atur pola

- Bentangkan fabrik di atas permukaan meja yang rata
- Susun atur kepingan pola besar dahulu diikuti dengan kepingan pola kecil
- Kenalpasti dan patuhi arahan, maklumat dan label pola

Peraturan menggunting

- Pastikan fabrik di atas permukaan yang rata
- Gunakan gunting fabrik yang tajam
- Jangan angkat fabrik semasa menggunting fabrik
- gunting gerakan sekata



Bab 4 : Makanan & pemakanan

HAK MILIK CG WOON


Karbohidrat Vitamin, Garam Mineral

Pelawas

makanan yang kaya dengan bahan tidak dapat tercerna terutamanya selulosa



Protein, lemak



6 - 8 gelas (2-3l)

- Diet** : Pengambilan makanan oleh individu untuk meningkatkan & memelihara kesihatan tubuh badan
- Diet Seimbang** : Pengambilan makanan yang mengandungi semua nutrien seperti protein, karbohidrat, lemak, garam mineral, vitamin, air dan pelawas dalam kuantiti yang diperlukan oleh tubuh badan

Makanan - bahan yang boleh dimakan sama ada dalam bentuk pepejal atau cecair.
 - **Membantu memberi tenaga, pemulihan sel, jaga kesihatan**


Nutrien - komposisi kimia dalam makanan seperti _____.

- Kegunaan Piramid Makanan :**
- membantu mengamalkan pemilihan makanan yang sihat
 - membantu merancang diet

PIRAMID MAKANAN MALAYSIA 2020

Panduan Pengambilan Makanan HARIAN Anda

TIPS DIET SEIMBANG



Sumber : Makanan Berkanji, Makanan manis (Nasi, mee, roti)

↑ obesiti, diabetes
↓ lapar, letih

Sumber : Lemak Haiwan, Lemak tumbuhan (santan, mentega, minyak sayuran)

Fungsi : memberi tenaga dan haba, Melindungi organ, melarut vitamin (A,D,E,K)

↑ obesiti, penyakit jantung
↓ lapar, Kulit kering

Sumber : Ayam, Ikan, daging, Susu, telur, keju, kekacang

Fungsi : Membina sel, menggantikan sel rosak

↑ Penyakit gout
↓ Tumbesaran terganggu, Penyakit Kwashiorkor

Larut dalam lemak

- A - Retinol (**Xeroftalmia**)
- D - Kalsiferol (**Riket**)
- E - tokoferol (**Gangguan saraf dalaman**)
- K - menadion (**pendarahan dalaman**)

Larut dalam Air

- B1 - Tiamina (**Beri-beri**)
- B2 - Riboflavin (**Kailosis**)
- B3 - Niasin (**dermatitis**)
- B6 - Piridoksin (**anemia**)
- B12 - kobalamin (**anemia**)
- B17 - Amigdaln (**Kanser**)
- C - Asid Askorbik (**Skurvi**)

Makro
Kalsium (**Riket**)
Fosforus
Magnesium
Natrium

Mikro
Iodin (**guiter**)
Ferum
Flurin
Zink

Rujuk ms 158-164

- Kepentingan pengambilan diet seimbang**
- Memastikan tumbesaran seimbang
 - Mencegah masalah kekurangan nutrien
 - Mengurangkan risiko penyakit berkaitan pemakanan

Keluarga sihat dan bahagia

Faktor yang mempengaruhi pengambilan diet

- Pendidikan (Pengetahuan tentang nutrien)
- Agama (pantang larang ikut agama)
- Pendapatan keluarga (kemampuan)
- Geografi (Iklim, sumber makanan)
- Keperluan fisiologi (Umur, jantina, saiz badan, aktiviti harian, tahap kesihatan)
- Budaya (Makanan pada hari kebesaran)
- Keperluan sosial (upacara, majlis)
- Kemajuan teknologi (Alat penjimat masa)



Puan Suhaila berumur 42 tahun bekerja sebagai arkitek di firma kerajaan. Beliau mempunyai suami En Ahmad Khan berketurunan Singh yang bekerja sebagai peguam.

Sistem Pencernaan

Proses **menguraikan molekul makanan** yang kompleks kepada molekul yang lebih ringkas agar dapat diserap oleh tubuh badan.

Enzim

Pemangkin organik yang mengawal atau mempercepatkan tindak balas kimia dalam organisma hidup.


Penyerapan

Proses **serapan unit ringkas nutrien** melalui vilus ke dalam aliran darah dan sistem limfa untuk dihantar ke sel tubuh.

Makanan diuraikan melalui **Proses Mekanikal + Proses Kimia** Sebelum nutrien diserap

HAK MILIK CG WOON

Proses tindak balas enzim dalam sistem Pencernaan



Jelaskan tindak balas enzim di duodenum selepas makan kentang goreng?



Enzim Amilase bertindak ke atas Kanji dan menukarkannya kepada Maltosa

Enzim lipase bertindak ke atas lemak dan menukarkannya kepada asid lemak & Gliserol

Cara tulis ayat Tindak balas :
Enzim _____ bertindak ke atas _____ dan menukarkannya kepada _____

Hasil Akhir Pencernaan yang sedia diserap melalui proses penyerapan di vilus

HAK MILIK CG WOON



Mengira nilai tenaga yang terdapat dalam makanan.

- Nilai tenaga = kuantiti tenaga yang terdapat dalam makanan untuk melakukan aktiviti.
- EP (Edible Portion) = Bahagian yang boleh dimakan, perlu dikira dulu sebelum kira jumlah nilai tenaga
- Fakta :
 1g karbohidrat = 17 kJ (tenaga)
 1g Protein = 17 kJ (tenaga)
 1g Lemak = 38 kJ (tenaga)

$$\text{NILAI TENAGA MAKANAN (kJ)} = \frac{\text{E.P (g)} \times \text{berat (nutrien)} \times \text{nilai tenaga bagi 1g}}{100}$$

Contoh mengira nilai tenaga : jadual ini menunjukkan sajian makan malam Ahmad.

Makanan	Porsi	% EP	Komposisi Nutrien yg boleh dimakan bagi setiap 100g		
			Karbohidrat (g)	Protein (g)	Lemak (g)
Mihun Tom Yam	563 g	95	7.5	3.6	2.6

Hitung jumlah nilai tenaga bagi makanan tersebut.

Makanan	Porsi	% EP	Komposisi Nutrien yg boleh dimakan bagi setiap 100g		
			Karbohidrat (g)	Protein (g)	Lemak (g)
Mihun Tom Yam	563 g	95	(7.5)	(3.6)	(2.6)
			$\frac{534.85}{100} \times 563g$	$\frac{534.85}{100} \times 3.6g \times 17kJ$	$\frac{534.85}{100} \times 2.6g \times 38kJ$
			= 534.85 g	= 327.33 kJ	= 528.43 kJ

Jumlah nilai tenaga bagi makanan tersebut : Jawapan dalam 2 tempat perpuluhan 3 2 7 . 3 2 8 2

$$681.93 \text{ kJ} + 327.33 \text{ kJ} + 528.43 \text{ kJ} = 1537.69 \text{ kJ}$$

Indeks jisim badan Body Mass Index (BMI)

$$\text{BMI} = \frac{\text{Berat (kg)}}{\text{Tinggi (m)} \times \text{Tinggi (m)}}$$

Contoh : Berat anda 66kg dan tinggi ialah 170cm

$$\text{BMI} = \frac{66\text{kg}}{1.7 \text{ m} \times 1.7 \text{ m}} = \frac{66 \text{ kg}}{2.89} = 22.84$$

Cara mengatasi berat badan berlebihan :

1. Mengambil sarapan
2. Makan secara teratur
3. Amalkan senaman

LABEL MAKANAN

Label makanan **memberikan maklumat penting** terhadap makanan yang terdapat di pasaran

KKM telah **menguatkuasakan undang-undang label makanan** iaitu Peraturan-peraturan Makanan 1985, Akta Makanan 1983

KEPENTINGAN LABEL MAKANAN


❖ **Membantu pengguna membuat pilihan yang lebih bijak** terhadap produk

❖ **Memudahkan pihak berkuasa membuat pemantauan dan tindakan** terhadap produk

❖ **Memastikan pengeluar dan pengilang makanan mengutamakan kandungan zat** produk

MAKLUMAT PADA LABEL MAKANAN

1. Nama Produk (Ramuan Utama)
2. Gambar (Ramuan Utama)
3. Berat Bersih (kg, ml)
4. Tarikh luput (Guna Sebelum ...)
5. Logo Halal yang sah
6. Senarai ramuan (ikut berat menurun)
7. Jadual Komposisi Makanan
8. Nama & alamat pengilang
9. Kod bar
10. Penyataan bahan aditif
11. Bahasa digunakan (BM, BI, dll)
12. Info tambahan/ dll




Warnakan dan tambah info tambahan membantu anda dapat markah kreatif

Contoh Soalan

12

Kelab SRT ingin memasarkan **produk pastri** untuk jualan Hari Keusahawanan sekolah.

Lakar dan labelkan label makanan yang kreatif untuk produk yang mengandungi maklumat mengikut peraturan-peraturan 1985



PERANCANGAN MENU

Menu : **Senarai makanan yang dihidangkan** untuk sesuatu sajian

TUJUAN MERANCANG MENU

Menjimatkan **masa dan tenaga** (Membeli, menyediakan, memasak, menghidang)

Memastikan perbelanjaan untuk menu yang dirancang **tidak melebihi anggaran** perbelanjaan

Memastikan makanan yang disediakan adalah **seimbang**

FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PERANCANGAN MENU

Tujuan Sajian -ikut Majlis sama ada Formal / tidak formal

Keperluan - nutrien ikut tahap kesihatan dan ikut jantina

Kegemaran- ikut makanan yang disukai oleh Ahli keluarga

Sumber - kewangan/ bahan/ kemahiran/masa/kemudahan

Keseimbangan Sajian-warna, rasa, tekstur, kaedah, bahan

Bilangan Tetamu - mencukupi (kuantiti, peralatan)

Contoh soalan

Mona akan mengadakan Majlis Makan Malam Sempena hari jadinya yang ke 18. Dia menjemput semua rakan sekelasnya. Berikut merupakan menu yang dirancangnya.

Tujuan Sajian - Majlis Hari jadi ke18

Keperluan - Remaja (protein, karbohidrat)

Kegemaran - Ayam goreng, kek coklat

Sumber

Keseimbangan - Warna, rasa, Sajian tekstur pelbagai

Bilangan Tetamu - Semua rakan kelas

Menu
Spaghetti Cabonara
Ayam Goreng
Kek Coklat
Jus Oren

a. Terangkan **faktor** yang mempengaruhi Mona untuk merancang menu untuk Majlis itu. (8 markah)

b. Nyatakan **menu lain** yang sesuai untuk Majlis itu (2 markah)

Contoh Jawapan :

HAK MILIK CG WOON

a) Faktor yang mempengaruhi Mona untuk merancang menu untuk majlis itu ialah :

1. **Tujuan Sajian**

Mona merancang menu yang **sesuai untuk Majlis Rasmi** iaitu Majlis Makan Malam sempena Hari Jadinya.

2. **Kegemaran**

Mona merancang menu yang **disukai oleh tetamu jemputan** iaitu rakan sekelas berumur 18 tahun seperti ayam goreng dan kek coklat.

3. **Keseimbangan Sajian**

Mona merancang menu yang **seimbang dari segi warna, tekstur dan rasa** contohnya spaghetti Cabonara berwarna putih manakala jus tembikai berwarna merah, kek coklat lembut manakala ayam goreng garing

4. **Bilangan Tetamu**

Mona merancang menu yang **cukup dimakan oleh para tetamu** iaitu **semua rakan sekelasnya**

b) Cup Kek Vanilla, Mee goreng

Nota ringkas

Bab 5 Perniagaan & Keusahawanan

5.1 Pengenalan Perniagaan & keusahawanan

Maksud

HAK MILIK © WOON

Peniaga

seseorang yang melakukan kegiatan membeli dan menjual barang atau perkhidmatan untuk mendapatkan keuntungan.

Usahawan

Individu yang melakukan kegiatan membeli, menghasilkan barang baharu atau membuat pengubahsuaian dan memasarkannya untuk mendapatkan keuntungan.

Perniagaan

Aktiviti membeli dan menjual barang atau perkhidmatan untuk mendapatkan keuntungan.

Keusahawanan

Aktiviti dalam usaha memenuhi keperluan dan kehendak manusia, mengusahakan dan mengembangkan perniagaan, melakukan perubahan dan pembaharuan bagi meningkatkan pengeluaran serta menjayakan perniagaan untuk kepentingan diri sendiri, masyarakat dan negara.

Ciri-ciri usahawan abad ke-21

- Sentiasa peka dan bijak mengambil peluang Lihat, bertindak
- Bermaklumat rangkaian bermaklumat canggih, terkini, tepat
- Kreatif dan inovatif Cipta baharu, ubahsuai yg lama guna teknologi
- Optimistik Berfikiran positif, sanggup hadapi risiko
- Proaktif Berusaha, cekal, gigih, berusaha melibatkan diri

Perbandingan ciri / kelebihan antara peniaga dengan usahawan.

Aspek	Peniaga	Usahawan
Tujuan perniagaan	Menjalankan kegiatan jual beli untuk mendapatkan keuntungan.	Menjalankan kegiatan membeli, menghasilkan barang baharu dan memasarkannya untuk mendapatkan keuntungan.
Produk jualan	Menjual barang & perkhidmatan yang sedia ada di pasaran.	Sentiasa berusaha mencipta barang dan perkhidmatan yang baharu.
Matlamat perniagaan	Mementingkan keuntungan jangka pendek	Memeningkan keuntungan bagi jangka panjang
Sikap /Risiko	Tidak sanggup menghadapi risiko.	sanggup menghadapi risiko.
Pengurusan	Bergantung kepada pengurusan perniagaan yang sedia ada.	Menguruskan perniagaan dan bebas membuat keputusan pengendalian perniagaannya sendiri.
Masa	Terhad kepada waktu urusan perniagaan yang ditetapkan	Fleksibel & bebas bekerja pada bila-bila masa
Usaha	Berusaha untuk menambahkan keuntungan	Berusaha untuk Memperkembangkan dan memperbesarkan lagi perniagaan

Peranan usahawan

Mewujudkan peluang perniagaan dan pekerjaan (Mengurangkan kadar pengangguran)

Mengkaji dan menguji penemuan dan ciptaan baharu (menghasilkan produk yang berkualiti)

Menyumbang kepada pembangunan ekonomi (Eksport, pelabur asing)

Meningkatkan taraf hidup (produk /perkhidmatan)

Memenuhi kehendak dan keperluan komuniti (Meningkatkan keselesaan hidup)



Peranan Agensi membantu usahawan (m.s 218)

Latihan & Perguruan

- Sediakan latihan Perguruan & bimbingan, beri nasihat dalam pengurusan, perakaunan, teknikal
- Memberi khidmat sokongan
- Contoh agensi: Majlis Amanah Rakyat (MARA), Pusat Pembangunan Usahawan M'sia (MEDEC), MPC, SMIDEC

Pembiayaan

- Sediakan dana/modal pelbagai skim pembiayaan modal, memberikan aset & Modal bagi mengembangkan perniagaan
- Contoh agensi: MARA, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Agro Bank, MIDF, MTDC, SME, KPuN

Infrastruktur & Ruang Niaga

- Bina bazar, kedai, medan selera. menyediakan tapak industri, ruang niaga untuk disewa
- Contoh agensi: MARA, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negara (PKEN), UDA Holdings Berhad, MSC, TPM

Pemasaran

- Bantu pengeluar memasarkan barang (eksport/ pasaran baru), mengadakan pameran, bengkel perniagaan
- Contoh agensi: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), MATRADE, BERNAS (Beras), PKKM (Kraf Tangan)

Penyelidikan & Pembangunan

- Membuat kajian & penyelidikan (kualiti, pembungkusan, teknologi, benih, pemprosesan, penyimpanan)
- Contoh agensi: MARDI (Pertanian), SIRIM (BRG EE), MRB (getah), MPOB (sawit), MIMOS (Mikroelektrik), FRI (ikan)



5.2 Prosedur memulakan perniagaan

Milikan Perniagaan

HAK MILIK CG WOON

Milikan Tunggal



dimiliki oleh seorang

Modal : simpanan sendiri @ pinjaman bank/saudara-mara
Menanggung liabiliti tidak terhad (Jika gagal, jelaskan hutang dengan harta sendiri)

Perkongasian



Dimiliki 2 -20 org rakan kongsi, diurus oleh rakan kongsi

Modal : Rakan kongsi ikut kadar dipersetujui

Menanggung liabiliti tidak terhad

Syarikat Sendirian Berhad (Sdn.Bhd)

dimiliki sekumpulan org persendirian tidak melebihi 50 org

Modal : diperoleh melalui jualan saham kpd org persendirian

Liabiliti terhad. (Jika gagal, setakat rugi modal yang dilaburkan sahaja)

Diurus oleh Lembaga

Pengarah yang dilantik.



Syarikat Awam Bhd

dimiliki oleh orang awam dengan

membeli saham (Pemegang syer)

Modal : diperoleh melalui jualan

saham kpd org awam

Saham sykt disenaraikan di Bursa

Saham

Liabiliti terhad. (Jika gagal, setakat

rugi modal yang dilaburkan sahaja)



Koperasi



Pemilik adalah ahli (100 org hingga tidak terhad)

Modal : jualan saham kepada ahli dan yuran ahli

Liabiliti terhad. (Jika gagal, setakat rugi modal yang dilaburkan sahaja)

Cara memulakan Perniagaan

i) Memulakan perniagaan baharu

minat + keinginan + yakin + kebolehan + modal + kajian (jenis, sasaran pelanggan dan peluang perniagaan)

ii) Mengambil alih perniagaan

membeli perniagaan yang sedia wujud (aset + liabiliti perniagaan) & meneruskan rangkaian pelanggan, struktur pentadbiran dan jaringan pembekal

iii) Menjalankan perniagaan francais

Francais ialah perjanjian antara pemilik francais (francaisor) dengan penerima francais (francaisi) untuk menjalankan urusan niaga barang atau perkhidmatan dengan menggunakan tanda dagangan atau pun jenama francaisor (Cth: Pizza Hut, 7-

Francaisor - memberi latihan, resepi, cara pengurusan dll

Francaisi - Membayar Loyalti (% keuntungan)

Cara memulakan Perniagaan

Membuat perancangan

Mendaftarkan perniagaan

Memohon lesen perniagaan

Mendapatkan modal perniagaan

Mendaftar dengan Suruhanjaya Syarikat

Malaysia (SSM) dengan mengisi

- borang A (Pendaftaran Perniagaan)
- Borang PNA.42 (Permohonan Nama Perniagaan)

5.3 Perancangan perniagaan

Maksud

Rancangan Perniagaan

Dokumen yang menerangkan secara terperinci berkenaan selok belok sesebuah perniagaan.

Tujuan Rancangan Perniagaan

- Mengkaji dan menilai potensi
- Mengagihkan sumber dengan baik
- Melihat dan menilai perniagaan
- Menjadi garis panduan untuk menguruskan perniagaan
- Meyakinkan pihak tertentu seperti bank bagi memperoleh sumber pembiayaan kewangan

Elemen pemasaran (4P)

Produk/ perkhidmatan



Kualiti, jenama, pembungkusan, Jaminan & khidmat sampingan

Price /Harga



Bersesuaian, Persaingan di pasaran

Promosi

Pengiklanan, Promosi Jualan, Jualan Langsung, Publisiti (Penajaan)



Place/Tempat

Bersesuaian dengan jenis perniagaan, Persaingan, Jenis pelanggan, Kemudahan, Modal, undang-undang



Faktor pemilihan Tempat Perniagaan

1. Jenis Perniagaan
2. Modal
3. Persaingan
4. Jenis Pelanggan
5. Kemudahan
6. Undang-undang & peraturan

Café?



Café



Saluran Pemasaran

Cara / Proses barangan diedarkan daripada pengeluar kepada pengguna pada masa, tempat dan harga yang bersesuaian .

Merujuk kepada jumlah orang tengah atau ahli saluran agihan yang terlibat untuk membawa keluaran lebih hampir kepada pengguna akhirnya.

